



AXA KUNINGPROTECT

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum Anda mengambil keputusan untuk menerima produk. Pastikan turut membaca terma dan syarat umum.

1. Apakah produk ini?

AXA KuningProtect ialah pelan hayat berkelompok bertempoh tanpa penyertaan yang menawarkan perlindungan insurans sehingga Orang yang Diinsuranskan berumur enam puluh satu (61) tahun. Jumlah diinsuranskan bagi Manfaat Kematian dan Manfaat Kesetiaan (jika ada) akan dibayar apabila Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia semasa tempoh Sijil Insurans. Jumlah diinsuranskan tambahan akan dibayar jika kematian disebabkan oleh kemalangan kenderaan bermotor. Pelan ini juga menyediakan jumlah diinsuranskan tambahan untuk perbelanjaan pengebumian.

2. Apakah manfaat/perindungan yang diberikan?

Produk ini melindungi:

- Manfaat Kematian: MYR 30,000 dan Manfaat Kesetiaan (jika ada)

Amaun Manfaat Kesetiaan bergantung kepada bilangan pembaharuan Sijil Insurans yang dibuat oleh Orang yang Diinsuranskan dan dikeluarkan oleh Pengendali Insurans seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah:

Bilangan Pembaharuan Sijil Insurans	Jumlah Diinsuranskan bagi Manfaat Kesetiaan
Kurang daripada atau sama dengan 12 kali	Tiada
13 hingga 24 kali (termasuk)	RM 5,000
25 hingga 36 kali (termasuk)	RM 10,000
Lebih daripada atau bersamaan 37 kali	RM 15,000

- Manfaat Kematian akibat Kemalangan disebabkan oleh Kemalangan Kenderaan Bermotor: MYR 8,000
- Manfaat Perbelanjaan Pengebumian: MYR 2,000

Tempoh perlindungan insurans: Dengan syarat Orang yang Diinsuranskan ialah ahli yang layak di bawah Polisi Induk, perlindungan akan ditamatkan tiga puluh (30) hari selepas tarikh kuat kuasa Sijil Insurans atau tarikh luput Sijil Insurans, yang mana lebih awal. Pelan ini boleh diperbaharui sehingga Orang yang Diinsuranskan berumur enam puluh satu (61) tahun.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium dibayar sepenuhnya oleh Digi Telecommunications Sdn Bhd.

4. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

Tiada.

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang harus saya ambil perhatian?

- Kepentingan pendedahan - Anda harus menyatakan segala fakta penting seperti keadaan perubatan anda, serta umur Anda dengan tepat.
- Pembaharuan - Tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh luput Sijil Insurans dibenarkan untuk Orang yang Diinsuranskan memperbaharui Sijil Insurans tanpa pengisytiharan kesihatan. Selepas tempoh tiga puluh (30) hari, Orang yang Diinsuranskan boleh mengembalikan semula Sijil Insurans, tertakluk kepada pengisytiharan kesihatan. Sijil Insurans akan dikeluarkan pada setiap pembaharuan.
- Penama - Anda dinasihatkan untuk menamakan penama untuk insurans Anda untuk memastikan penyelesaian tuntutan yang lancar. Anda juga harus memastikan bahawa penama mengetahui tentang pelan insurans ini.
- Hanya satu (1) perlindungan insurans yang disediakan bagi setiap Orang yang Diinsuranskan. Sebarang perlindungan insurans yang sama bagi setiap Orang yang Diinsuranskan pada satu masa akan dibatalkan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Insurans untuk senarai lengkap terma dan syarat di bawah pelan ini.



6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Tiada manfaat akan dibayar jika kematian diakibatkan oleh bunuh diri, semasa waras atau tidak waras atau dengan tangan keadilan, dalam tempoh dua belas (12) kali pembaharuan dari Tarikh Dikeluarkan atau mana-mana tarikh pengembalian semula Sijil Insurans, yang mana terkemudian.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Insurans untuk senarai lengkap terma dan syarat di bawah pelan ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Pemilik Polisi Induk boleh membatalkan Polisi Induk dengan memberi sekurang-kurangnya empat belas (14) hari notis bertulis kepada Pengendali Insurans. Apabila ditamatkan, Sijil Insurans tidak lagi berkuat kuasa.

8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran hubungan saya?

Sila hubungi kami jika terdapat apa-apa perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan semua komunikasi sampai kepada Anda dengan cepat.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya Anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insuran hayat, sila rujuk ke buku panduan insuranceinfo di bawah 'Insurans Hayat', yang terdapat di semua cawangan kami, atau Anda boleh dapatkan buku panduan tersebut daripada ejen insurans Anda atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AXA AFFIN Life Insurance Berhad

Tingkat Bawah, Menara Chulan

No. 3 Jalan Conlay

50450 Kuala Lumpur

Tel: 1 300 88 1616

E-mel: axasupport.digi@axa-life.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang disediakan.

Sila tanya AXA AFFIN Life Insurance Berhad untuk jenis pelan lain yang ditawarkan.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN MENGHUBUNGI AXA AFFIN LIFE INSURANCE BERHAD UNTUK SEBARANG MAKLUMAT LANJUT.

Pelan insurans ini diunderait oleh AXA AFFIN Life Insurance Berhad 200601003992 (723739-W), syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini sah pada 15 Mei 2020.